



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**BICARA BAHASA KOLOKIAL:
MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI
'TELUSURI BAYU NABALU'**

21 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)

9.00 PAGI

**HOTEL LE MERIDIEN
KOTA KINABALU, SABAH**

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

**Disediakan secara berasingan*

PENGHARGAAN

1. Pertama sekali, marilah kita bersama-sama mengucapkan syukur kerana dapat bertemu sekali lagi dalam Program Bicara Bahasa Kolokial anjuran Arkib Negara Malaysia.
2. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Arkib Negara Malaysia atas penganjuran **BICARA BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI “TELUSURI BAYU NABALU”** yang diadakan pada hari ini. Satu tema yang bukan sahaja menarik tetapi tepat pada masa dan sangat dekat dengan masyarakat setempat.
3. Sekalung terima kasih juga saya ucapkan kepada barisan Tokoh-tokoh Pembicara dan Pengerusi Sesi serta semua yang hadir untuk menjayakan program pada hari ini sama ada secara fizikal di dewan ini mahupun yang hadir secara maya melalui siaran langsung di laman *facebook* rasmi Arkib Negara Malaysia.

SABAH NEGERI UNIK YANG BERSATU DALAM KEPELBAGAIAN

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

4. Sabah merupakan sebuah negeri yang mempunyai keunikan tersendiri, bukan sahaja dari segi kekayaan sumber alam semula jadi, bahkan kerana penduduknya yang terdiri daripada pelbagai etnik, budaya, agama dan bahasa. Negeri yang juga dikenali sebagai **Negeri Di Bawah Bayu ini dihuni oleh 35 kumpulan etnik dan 214 subetnik** yang dikelaskan sebagai bumiputera dan bukan bumiputera, **menggunakan hampir 50 bahasa dan bertutur dalam 80 dialek.**

5. Amalan seperti sambutan perayaan pesta Ka'amatan, sogit, muncang dan budaya perkahwinan campur sudah menjadi satu budaya biasa dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Sabah. Budaya sedemikian bukan sahaja telah memperkayakan lagi khazanah budaya yang unik di negeri tersebut tetapi berhasil mewujudkan hubungan yang harmoni dalam kalangan pelbagai etnik di Sabah.

6. Pengamalan budaya yang berlainan dalam sebuah negeri sebenarnya telah memberi ruang untuk masyarakatnya memahami dan mempelajari budaya etnik lain. Kepelbagaian budaya tidak menjadi halangan kepada masyarakat Sabah untuk hidup dengan harmoni dan sejahtera, malah terkenal sebagai sebuah negeri yang aman dan makmur di mata dunia.

7. Kita semua adalah ejen perpaduan negara. Kitalah yang akan menentukan hala tuju negara kita pada masa hadapan. Marilah kita menggerakkan seluruh kudrat untuk terus menyebarkan semangat perpaduan dan menjadikan perpaduan dalam kepelbagaian (*Unity in Diversity*) sebagai tunjang kemakmuran negara. **Sabah juga adalah contoh yang terbaik apabila memperkatakan tentang perpaduan dalam kepelbagaian.**

BAHASA SEBAGAI PENGUKUH PERPADUAN

Hadirin yang dikasihi sekalian,

8. Perpaduan Malaysia MADANI disusun secara sistematik dengan merangkai teras strategi utama yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara dan salah satunya adalah

mengukuhkan peranan Bahasa sebagai medium integrasi perpaduan.

9. Sejarah telah membuktikan bahawa **bahasa memainkan peranan yang penting dan berkesan bagi mengeratkan silaturrahim dan memperkukuhkan perpaduan masyarakat.** Kita juga dapat lihat pada penganjuran program pada hari ini. Program ini berjaya mengumpulkan **250 peserta** yang berbeza suku kaum, etnik dan bangsa di bawah satu bumbung.
10. Mungkin ada dalam kalangan kita yang tidak pernah mendengar istilah bahasa kolokial. Namun sebenarnya tanpa kita sedar, **bahasa ini adalah bahagian penting yang membentuk identiti dan jati diri sesuatu kaum atau etnik.**
11. Suka saya sebutkan di sini, **bahasa kolokial dan bahasa lohgat atau bahasa etnik merupakan khazanah warisan negara yang harus dipelihara dan diwarisi dari generasi ke generasi** supaya ia tidak luput akibat kaum atau etnik itu sendiri tidak menggunakannya sebagai bahasa pertuturan seharian.

12. Seperti disebutkan oleh Ketua Pengarah sebentar tadi, **Program Bicara Kolokial turut akan diadakan di Pulau Pinang, Ipoh dan Miri, Sarawak bagi tahun ini.** Ini adalah sebahagian usaha demi kesinambungan legasi budaya Malaysia oleh kementerian menerusi Arkib Negara Malaysia.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

ARKIB NEGARA MALAYSIA MENGANGKAT BAHASA KOLOKIAL SEBAGAI AGEN PENYATUAN MASYARAKAT

13. Arkib Negara Malaysia memainkan peranan yang sangat penting untuk memperkasakan sumber rujukan sejarah dan budaya negara melalui program pendokumentasian dan advokasi.
14. Dalam sesi libat urus bersama pemegang taruh bagi Belanjawan 2024 yang diadakan oleh Kementerian Perpaduan Negara, terdapat **3 cadangan** yang dikemukakan oleh pertubuhan bukan kerajaan adalah berkaitan **Bengkel Bahasa Isyarat Malaysia (BIM)**. Seperti kita sedia maklum, Dewan Bahasa mentakrifkan bahasa kolokial sebagai bahasa pertuturan sehari-hari. Oleh itu, saya mohon agar Arkib Negara Malaysia dapat mengambil kira cadangan ini supaya turut dapat

menjalankan Bicara Kolokial melibatkan **Bahasa Isyarat Malaysia yang tentu sekali merupakan bahasa pertuturan harian dan bahasa penyatuan antara komuniti Orang Kurang Upaya.**

15. Saya telah meminta agar Arkib Negara Malaysia dapat meneruskan program bicara Bahasa Kolokial ini bagi **tahun 2024 di 6 negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Johor.**
16. Selain itu, saya dimaklumkan bahawa turut akan diterbitkan sebuah **buku khas untuk bahasa kolokial** pada tahun hadapan yang mampu menjadi sebahagian usaha dalam melestarikan keberdayaan Bahasa Komuniti di negara ini.
17. Saya juga berharap agar Arkib Negara Malaysia dapat mewujudkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Belia dan Sukan agar **program advokasi bahasa ini turut memberi impak positif dalam kalangan generasi muda yang bakal menjadi penyambung legasi negara.** Usaha ini juga selari dengan pelaksanaan Perpaduan Malaysia MADANI juga akan menggunakan **“whole of government approach”**

iaitu kerjasama antara agensi kerajaan merentas sempadan portfolio organisasi dengan berkongsi tindakan untuk mencapai matlamat pembangunan Malaysia MADANI.

18. Justeru, saya menyeru penglibatan organisasi kerajaan mahupun badan bukan kerajaan untuk bersama-sama berganding bahu dengan Arkib Negara Malaysia merekod dan memelihara maklumat sejarah, seni dan budaya negara supaya ia boleh menjadi sumber rujukan bernilai kepada generasi kini dan akan datang.

PENUTUP

19. Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyokong usaha-usaha yang dilaksanakan ini dan sentiasa meraikan program-program intelektual yang berupaya menjadi **platform penyatuan masyarakat, pengerat muafakat, pengukuh perpaduan dan pemeliharaan tradisi budaya bangsa.**
20. Sesungguhnya **perpaduan itu tunjang kepada kejayaan negara dan bahasa adalah medium yang berkesan untuk mencapai kejayaan** tersebut.

*Nabalu tinggi mencecah awan,
Burung berkicau merawat duka;
Bersama kita eratkan perpaduan,
Negara terjaga warisan terbelah.*

21. Dengan kata-kata dan hasrat tersebut, saya dengan sukacitanya merasmikan **BICARA BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI “TELUSURI BAYU NABALU”**.

Sekian, terima kasih.